



PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 5 TAHUN 2020

PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DIAWALKAN KEPADA PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) diawalkan kepada pegawai lantikan tetap yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum Tarikh Pergerakan Gaji (TPG).

LATAR BELAKANG

2. Melalui Pekeliling Perkhidmatan UMT, Bilangan 2 Tahun 2015 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015, Universiti telah melaksanakan pemberian PGT diawalkan ke hari terakhir perkhidmatan kepada pegawai yang bersara paksa sebelum TPG. Namun, pelaksanaan ini tidak melibatkan pegawai lantikan tetap yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum menerima PGT.

PELAKSANAAN

3. Universiti telah bersetuju menambah baik pelaksanaan pemberian PGT kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum TPG. Dalam hal ini, TPG pegawai tersebut akan diawalkan pada tarikh pegawai meninggal dunia.

Syarat-syarat Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan

4. Pemberian PGT dalam Pekeliling Perkhidmatan ini tertakluk kepada syarat dan kadar sedia ada dalam peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa, terutamanya syarat-syarat yang berikut:

4.1 pegawai mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

4.2 diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab; dan

4.3 diluluskan oleh Jawatan Kuasa Sumber Manusia (JKSM), UMT

5. Contoh kaedah pelaksanaan pemberian PGT diawalkan kepada pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran A1-A3**.

TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR DAN JAWATANKUASA SUMBER MANUSIA, UMT

6. Dalam melaksanakan pemberian PGT diawalkan ini, Pendaftar dan JKSM bertanggungjawab untuk memastikan:

6.1 PGT diawalkan ini hanya diberikan kepada pegawai yang layak dan berstatus tetap; dan

6.2 perubahan gaji tersebut direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

7. Bagi maksud menjalankan kuasa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) seperti yang diperuntukkan dalam peraturan 27(2), P.U.(A) I/2012, JKSM UMT adalah diwakilkan kuasa¹ untuk mengawalkan PGT pegawai, tertakluk kepada syarat-syarat pemberian PGT yang telah ditetapkan.

¹ mengikut peraturan 62(1) Peraturan-Peraturan UMT (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2015.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah disifatkan telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019.

**KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI
BAGI PEGAWAI MENINGGAL DUNIA
SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Skim Perkhidmatan	: Pegawai Penyelidik
Gred	: Q52
Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Januari 2019
Tarikh Pergerakan Gaji	: 1 Julai
Gaji Minimum - Maksimum	: RM5,844.00 – RM12,441.00
Kadar KGT	: RM290.00
Tarikh Meninggal Dunia	: 3 Mei 2019

Tarikh	Gaji Sekarang Gred Q52 (RM)	Gaji Baharu Gred Q52 (RM)	Catatan
2.5.2019	10,256.38	-	Gaji pegawai sehari sebelum meninggal dunia.
3.5.2019	-	10,546.38 (10,256.38 + 290)	Diberi PGT diawalkan ke hari terakhir perkhidmatannya mengikut keputusan JKSM. Gaji akhir pegawai yang akan diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.

Catatan:

JKSM	: Jawatankuasa Sumber Manusia
KGT	: Kenaikan Gaji Tahunan
PGT	: Pergerakan Gaji Tahunan

**KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI
BAGI PEGAWAI MENINGGAL DUNIA
SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

Skim Perkhidmatan	: Penolong Pegawai Veterinar
Gred	: G32
Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Januari 2019
Tarikh Pergerakan Gaji	: 1 April
Gaji Minimum - Maksimum	: RM2,846.00 – RM6,258.00
Kadar KGT	: RM155.00
Tarikh Meninggal Dunia	: 14 Februari 2019

Tarikh	Gaji Sekarang Gred G32 (RM)	Gaji Baharu Gred G32 (RM)	Catatan
13.2.2019	5,178.73	-	Gaji pegawai sehari sebelum meninggal dunia.
14.2.2019	-	5,333.73 (5178.73 + 155)	Diberi PGT diawalkan ke hari terakhir perkhidmatannya mengikut keputusan JKSM. Gaji akhir pegawai yang akan diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.

Catatan:

JKSM	: Jawatankuasa Sumber Manusia
KGT	: Kenaikan Gaji Tahunan
PGT	: Pergerakan Gaji Tahunan

**KAEDAH PEMBERIAN PERGERAKAN
GAJI BAGI PEGAWAI YANG
MENINGGAL DUNIA SELEPAS TARIKH
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Skim Perkhidmatan	: Penolong Akauntan
Gred	: W36
Tarikh Kuat Kuasa	: 1 Januari 2019
Tarikh Pergerakan Gaji	: 1 Julai
Gaji Minimum - Maksimum	: RM3,532.00– RM7,511.00
Kadar KGT	: RM180.00
Tarikh Meninggal Dunia	: 28 September 2019

Tarikh	Gaji Sekarang Gred W36 (RM)	Gaji Baharu Gred W36 (RM)	Catatan
30.6.2019	6,638.32	-	Gaji pegawai sehari sebelum TPG.
1.7.2019	6,818.32 (6638.32 + 180)	-	Tarikh pergerakan gaji pegawai. Pegawai diberikan PGT mengikut keputusan JKSM.
28.9.2019	6,818.32	-	Pegawai meninggal dunia. Tiada perubahan kepada gaji kerana pegawai telah menerima PGT pada tahun berkenaan. Gaji akhir pegawai yang akan diambil kira untuk tujuan pencen dan faedah persaraan.

Catatan:

JKSM	: Jawatankuasa Sumber Manusia
TPG	: Tarikh Pergerakan Gaji
KGT	: Kenaikan Gaji Tahunan
PGT	: Pergerakan Gaji Tahunan